

# Musa: Umno tak akan menyeleweng

**'Umno adalah parti politik yang memperjuangkan kemerdekaan tanahair'**

SUNGAI SIPUT, Sabtu — Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, memberi jaminan bahawa Umno tidak akan menyeleweng dari garis perjuangan bangsa Melayu dan tergelincir dari asas perjuangan negara. Sebaliknya, Timbalan Presiden Umno menegaskan, Umno akan terus berpegang teguh kepada perlembagaan parti dan sentiasa menjunjung tinggi segala prinsip Perlembagaan Malaysia.

## Menghayati sejarah

Merasmikan khemah kerja politik Pergarak Pemuda Umno Malaysia di Kampung Mentimun, Datuk Musa menegaskan, Umno adalah parti politik yang memperjuangkan kemerdekaan tanah air dan menebus kembali maruah bangsa Melayu dan kedaulatan Raja-Raja Melayu.

Umno tetap memperjuangkan supaya institusi Raja-Raja Melayu dipelihara dan terus didaulatkan sesudah tamatnya per-

juangan menentang Malayan Union, tegaknya lagi.

Atas anjuran Umno jugalah institusi raja berperlembagaan diwujudkan dan didaulatkan di dalam negara Malaysia Merdeka, tambahnya.

Bellau berharap, setiap lapisan bangsa Melayu mengenal dan menghayati sejarah bangsanya dan parti yang memerdekakan Malaysia dari penjajah.

Keseluruhan kaum lain juga mesti menghayati sejarah perjuangan Melayu dan Umno.

Datuk Musa berkata, sehingga kini, Umno tetap berpendapat bahawa institusi raja berperlembagaan secekok dengan sistem demokrasi berparlimen di negara ini dan akan terus mengekalkannya.

Pendirian dan 'penglibatan' ini adalah berasaskan kepada lunas-lunas perlembagaan Umno sendiri.

Sebagai contoh, Fasal 3 (2) Perlembagaan Umno menyatakan dengan tegas dan tepat sekali bahawa di antara objektif-objektif parti ialah mendukung Perlembagaan Malaysia dan Perlembagaan-Perlembagaan Negeri serta mempertahankan prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya.

**'Sehingga kini Umno tetap berpendapat institusi raja berperlembagaan sesuai'**

Ini termasuk mempertahankan kedaulatan Raja-Raja Melayu dan institusi raja berperlembagaan di negara ini.

Menyebut sepekat kata Hang Tuah, Datuk Musa berkata, "pantang Melayu hilang di dunia".

## Menerusi propaganda

Pemangku Perdana Menteri menegaskan, pendirian dan 'penglibatan' Umno di dalam mempertahankan kedudukan Raja-Raja Melayu serta kedaulatan institusi raja berperlembagaan amat berbeza dengan parti-parti politik lain di negara ini, khususnya parti pembangkang Dap dan Pas.

"Kedua-dua parti pembangkang itu bersikap seperti lalang. Mereka suka menangguk di air keruh," ujarnya.

Mereka cuba memberi gambaran bahawa merekaalah jaguh yang mempertahankan kedaulatan Raja-Raja Melayu dan institusi raja berperlembagaan di negara ini.

Membidas golongan itu, Datuk Musa berkata, sebenarnya propaganda mereka hanya bertujuan mengelirukan rakyat terhadap prinsip perjuangannya.

"Apa yang mereka sukakan menerusi propaganda mereka sekarang, sebenarnya hanyalah omong-omong kosong, tidak lebih dari itu," tambahnya.

Datuk Musa mengingatkan bahawa Umno ditubuhkan atas himpunan semangat kebangsaan Melayu yang jitu, lahir di atas perpaduan bangsa Melayu untuk menentang gagasan Malayan Union.

"Perjuangan pemimpin-pemimpin Melayu ketika itu bergema di seluruh tanahair. Mereka berjuang menentang Inggeris yang cuba mengganggu-gugat kedudukan dan kedaulatan Raja-Raja Melayu. Mereka berjuang bermati-matian untuk mempertahankan kuasa Raja-Raja yang hendak dihapuskan oleh Inggeris ketika itu," jelasnya.

Bellau berkata, Umno akan berjuang mengikut jalan politik yang sihat.

Corak perjuangan seperti ini adalah penting kerana Umno tidak mahu melahirkan ahli dan pemimpin politik yang oportunist atau songsang.

Perjuangan politik yang negatif akan hanya membawa kepada kehancuran, merugikan bangsa Melayu, menemarkan keagungan bangsa Melayu dan merugikan negara keseluruhannya.

Bellau juga menasihatkan pergerakan itu, sebagai pewaris kepada corak kepimpinan di masa akan datang, seterusnya mereka tidak harus menjadi ahli politik bercorak 'komerstil'.

(Sedutan ucapannya di muka 5).

Bahan asal dari Akhbar  
Negara Malaysia